



**TEKS UCAPAN
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

**SEMPENA
HARI PERKHIDMATAN AWAM 2024**

**7 FEBRUARI 2024
BORNEO CONVENTION CENTRE KUCHING**

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Malaysia Madani dan Salam Sarawak Maju Makmur.

SALUTASI

1. Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak.
2. Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas; Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan dan Yang Berhormat Datuk Amar Profesor Dr Sim Kui Hian, Timbalan-Timbalan Premier Sarawak.
3. Yang Berhormat Menteri-Menteri.
4. Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki, Setiausaha Kerajaan Sarawak.
5. Dif-dif kenamaan.
6. Ketua-ketua jabatan/agensi Persekutuan dan Sarawak.
7. Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama pada Hari Perkhidmatan Awam 2024. Sekalung penghargaan dan syabas kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Sarawak dan Jabatan Premier Sarawak atas penganjuran majlis penuh bermakna yang bertemakan '**Driving Relevance, Inspiring Change For Future Sarawak**'.

YAB Premier, hadirin yang saya hormati,

Penjawat Awam Sebagai Ejen Perubahan

Kita sering mendengar ucapan mengenai keadaan dunia yang sentiasa berubah, *an ever-changing world*. Tiada yang ganjil di sini kerana dunia sentiasa berubah, sama ada kita sedar ataupun sebaliknya. Sama ada kita mahu menerima hakikat ini ataupun sebaliknya. Perbezaannya adalah dunia hari ini, berubah pada kadar yang sangat pantas. Ini memaksa tafsiran semula kepada peranan dan tanggungjawab kita semua sebagai penjawat awam. Dahulu kita dikatakan perlu bergerak seiring dengan perubahan lanskap ekonomi dan kehendak pemegang taruh. Situasi kini tidak lagi sedemikian. Arus-arus perubahan ataupun *transformative currents* sentiasa membolak-balik keutuhan sesebuah masyarakat, kekuatan sesebuah ekonomi dan juga kehidupan kita semua. Asas kepada perubahan-perubahan ini adalah *Mega Trends* yang

melangkui pelbagai sempadan, merubah persekitaran geopolitik, dan memberi kesan kepada cara kehidupan dan pekerjaan kita.

What are Mega Trends? (pause) *What are these Mega Trends?* Sebagai penjawat awam, kita bukan sahaja perlu tahu mengenai apakah itu Mega Trends, tetapi memahami keperluan dan implikasinya terhadap peranan dan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam Sarawak. Ini amat berkait rapat dengan Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 (PCDS2030) negeri Sarawak.

Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Premier, barisan kepimpinan serta penjawat awam Sarawak yang memahami dan mendalami *Mega Trends* dan membentuk satu strategi pembangunan negeri yang terangkum.

Dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Sarawak untuk bergerak meneroka ekonomi baharu dan memeta kejayaan yang akan membawa limpahan hasil bagi membolehkan Sarawak khususnya, dan Malaysia amnya menikmati kehidupan yang lebih berkualiti, penjawat awam perlu berperanan sebagai ejen perubahan yang efektif dan merupakan *game changer* dalam menjayakan hasrat ini.

Saudara-saudara penjawat awam sekalian,

Kerajaan merupakan majikan terbesar. Sama ada Kerajaan Persekutuan dengan lebih kurang 1.6 juta penjawat awam sebagai pekerjanya, ataupun Kerajaan Sarawak dengan lebih kurang 158,000 penjawat awamnya. *That's a simple fact.* Sebagai majikan terbesar, ianya turut berperanan sebagai penggerak terbesar ataupun *the largest engine in our economic workforce.* Di peringkat Sarawak, enjin ini mengendalikan peruntukan tahun 2024 bernilai hampir RM14 Billion, dan di peringkat Persekutuan bajet tahun 2024 berjumlah hampir RM400 Billion, dan saudara-saudara sekalian adalah komponen-komponen penting di dalam enjin ini. Apabila ada komponen-komponen ini gagal berfungsi dengan sempurna, kita tidak mungkin dapat mencapai sasaran yang diharapkan. Kegagalan yang saya maksudkan datang dalam pelbagai bentuk kecacatan; *silo mentality, miscommunication, little Napoleons, turf-control* dan sebagainya. For Sarawak and Malaysia to be truly recognised as economic powerhouse, a home that is secure, sovereign and prosperous, there must be a defect-free and seamless integration of Federal and Sarawak civil service in all aspects. And this is non-negotiable.

Saudara-saudara penjawat awam sekalian,

Melihat peri pentingnya perkhidmatan awam kepada keselamatan, kedaulatan dan kemakmuran wilayah-wilayahnya, penjawat-penjawat awam perlu memperkasakan nilai-nilai integriti kita; tiada cacat-cela dan bebas daripada kepentingan sendiri. Kita juga perlu bersifat aktif terhadap penyelesaian masalah, dan penghasilan idea-idea baharu. Sebagai pelengkap, dan sebagai peringatan kepada diri saya dan saudara-saudara penjawat awam sekalian, kita juga perlu bingkas (resilient), bijaksana (ingenuity) dan adil (impartiality) dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan.

Hubungan Proaktif Kerajaan Negeri dan Persekutuan

Hadirin yang dihormati,

Allow me to introduce the last parable. Satu perumpamaan. Tiada kena mengena dengan yang telah mati, tetapi sangat berkait rapat dengan yang masih hidup dan memegang jawatan dalam perkhidmatan awam. Imagine we are in a race. An F1 race or MotoGP which ever your preference may be. A racing circuit named MADANI inspired by YAB Perdana Menteri, a newly-engineered racing chassis named PCDS 2030,

an experience, well-rounded driver named Abang Jo, race directors and engineers made up of Sarawak's cabinet and a 158,000 strong crew. To win the race, the entire team must be able to function seamlessly, without delays or hiccups. A pro driver alone, or the world best race director alone will not be able to bring the trophy home. Remember, a 2-second delay in changing tyres may cost the 1st place. Coming second is not really 1st runner-up. Coming second is the 1st loser. Remember those when there are tasks at hand. Ingat pesanan ini apabila kita memproses urusan-urusan pentadbiran dan pembangunan negeri dan negara.

Saudara-saudara penjawat awam sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terdapat tiga perkara yang diminta disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk tindakan segera dan menyeluruh, terutamanya kepada semua ketua-ketua jabatan dan agensi:

Pertamanya, kesemua penjawat awam perlu mendaftar dan mengisi serta mengemaskinikan maklumat di dalam sistem PADU bagi memastikan tiada yang tertinggal dalam menikmati inisiatif dan bantuan kerajaan;

Keduanya, semua penjawat awam perlu mendaftar dengan ID Digital Nasional (National Digital ID) sebagai satu kata laluan dalam menggunakan perkhidmatan kerajaan pada masa hadapan; dan

Ketiga, kesemua penjawat awam perlu mengikuti pembelajaran mengenai teknologi *artificial intelligence*, AI (kecerdasan buatan) melalui portal yang disediakan oleh Kementerian Ekonomi.

Penutup

Akhir kalam, bagi pihak Kerajaan Persekutuan saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan Sarawak atas pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam Persekutuan yang bertugas di Sarawak; yang terdiri daripada lebih kurang seramai 130,000 anggota termasuk badan beruniform, anggota keselamatan dan Badan Berkanun Persekutuan yang tertentu baru-baru ini. Semoga penjawat awam lebih bersemangat dalam melaksanakan mandat dan menggalas tanggungjawab dengan penuh amanah, menerapkan nilai-nilai dan tatakelola yang baik dalam pentadbiran demi kesejahteraan rakyat, negeri dan negara.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wasssalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina.

Sin nyen kwai lek!

Terima kasih.